

# Mufti berhak buat teguran: Mohd Tamyès

**SHAH ALAM** - Penggiat seni perlu positif dan beranggapan kenyataan mufti berhubung sesuatu isu berhubung kegiatan seni budaya seperti kritikan karya sastera atau seseorang penyanyi sebagai tindakan campur tangan.

Mufti Selangor, Datuk Seri Mohd Tamyès Abd Wahid berkata, pandangan dinyatakan mufti berkaitan sesuatu isu bersifat teguran bertujuan untuk memperbetulkannya.

“Saya selesa menyifatkannya sebagai pandangan bukan campur tangan dan setiap teguran itu adalah sesuatu yang jelas dan sekiranya ia berkaitan hukum, adalah sewajarnya mufti membetulkannya.

“Kita perlu bertegas dan berterus-terang dan perjelaskan apa sahaja yang tidak betul melalui teguran secara jalan berhikmah. Tindakan itu adalah wajar kerana kita tidak mahu dilihat sebagai orang alim yang bisu,” katanya ketika dihubungi Sinar Harian, semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas reaksi kurang senang sesetengah pihak yang melihat kecenderungan mufti mengkritik karya seni budaya termasuk golongan penyanyi.

“Mufti ada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang dianggotai mufti seluruh negeri. Jawatankuasa ini banyak menerima aduan bertulis sebelum diserahkan kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



**MOHD TAMYÈS ABD WAHID**

(JAKIM) untuk dibuat kajian.

“Kajian melibatkan isu-isu terkini kemudiannya dibincang oleh Panel Kajian Syariah atau Akidah dan sekiranya sesuatu perkara atau isu itu jelas bertentangan dengan hukum, kita perlu perbetulkan, kalau hukum, kata haram, kita wajib haramkan,” tegasnya.

Menurut Mohd Tamyès, perbincangan bersama melibatkan Exco Agama, kerajaan negeri sering diadakan bagi memantau dan memperbetulkan segala perkara berkaitan tuntutan hal ehwal aga-

ma.

Untuk rekod, April lalu, aktiviti dunia hiburan tanah air hangat menerima kritikan termasuk kenyataan terbuka Mufti Perlis, Dr Mohd Asri Zainul Abidin yang menyekat penyanyi Faizal Tahir membuat persembahan di Konsert Jon Heboh, anjuran TV3 di Perlis.

Terbaru, Mohd Asri juga lantang membantah karya sastera tulisan Faisal Tehrani dengan alasan ia ‘menggunakan hadis palsu’ dan ‘mengagungkan perayaan Syiah’.

Tindakan itu menimbulkan rasa kurang senang penggiat seni dan membantah campur tangan mufti dalam kegiatan seni dan budaya termasuklah anggapan karyawan perlu bebas tanpa dikawal mana-mana institusi.